

10/08/2003

Bakisa kekal gelaran

Daud Awang

BAKISA mewakili Sabah menjuarai enam kali berturut-turut Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003 yang berakhir di Stadium Mini Bistari, Ayer Keroh, petang semalam.

Bakisa yang menjuarai kejohanan itu sejak 1998 menumpaskan Baiduri (Perak) dalam perlawanan akhir manakala Bakti (Wilayah Persekutuan) memenangi tempat ketiga setelah menewaskan Balkis (Selangor).

Sebanyak 12 kontinjen mewakili Wilayah Persekutuan, Sabah, Perak, Selangor, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pahang dan tuan rumah Melaka menyertai kejohanan empat hari itu sejak 6 Ogos lalu.

Kejohanan anjuran Bakti itu membabitkan isteri menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, menteri besar, ketua menteri dan wakil rakyat.

Perdana Menteri yang juga Penaung Bakti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan majlis penutup kejohanan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang serta ketua kontinjen yang mengambil bahagian.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri selaku Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri selaku Timbalan Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Endon Mahmood; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isterinya selaku Pengerusi Bistari, Datin Seri Asmah Abdul Rahman.